

21/10/1998

Mengembalikan keyakinan rakyat dan pelabur

Mutazar Abd Ghani

TAHUN ini adalah kali kedua Belanjawan Negara dibentangkan dalam suasana ekonomi negara dan serantau yang sukar dan masih bertungkus-lumus untuk keluar daripada cengkaman kegawatan, berikutan penurunan nilai ringgit dan kejatuhan pasaran saham.

Malah, Belanjawan Negara 1999 yang akan dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan Pertama, Jumaat ini, akan lebih mencabar kerana krisis ekonomi yang sudah berlarutan 15 bulan mula menampakkan kesan ketara berbanding ketika pembentangan Belanjawan Negara 1998, 17 Oktober tahun lalu, ketika kegawatan masih pada peringkat awal dan belum banyak sektor ekonomi terjejas.

Ketika pembentangan belanjawan tahun lalu, Indeks Komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berada pada 794.80 mata iaitu masih lagi tidak begitu jauh daripada 1,000 mata, paras selesa yang dinikmati bursa tempatan sejak pasaran melambung pada 1993, manakala ringgit pula pada paras RM3.22 bagi setiap dolar Amerika berbanding sekitar RM2.50 sebelum kegawatan tercetus Julai tahun lalu.

Bagaimanapun, senario kali ini jauh berbeza kerana Indeks Komposit BSKL hanya baru semalam mencuba untuk melepasi halangan 400 mata selepas pernah berada di bawah 300 mata selama beberapa minggu sebelum ini, tahap yang tidak pernah dibayangkan, terutama apabila pasaran tempatan selesa di atas 1,000 mata sejak beberapa tahun lalu.

Kejatuhan teruk di BSKL itu menyebabkan tiada seorang penganalisis dan pakar pasaran saham berani membuat unjuran mengenai tahap sokongan pasaran, seperti yang sering dilakukan sebelum ini apabila pasaran mengalami kejatuhan, sementara keyakinan terhadap pasaran saham seolah-olah semakin terhakis khususnya di kalangan pelabur. Ini terbukti dengan jumlah urus niaga yang semakin menipis dari sehari ke sehari, yang pada suatu ketika tidak sampai 80 juta saham sehari.

Kejatuhan terburuk BSKL dalam tempoh beberapa tahun terdekat, iaitu selepas Indeks Komposit melepasi paras tertinggi 1,300 akhir 1993, menyebabkan bursa saham dianggarkan mengalami kerugian lebih RM500 bilion dari segi permodalan pasaran sejak krisis yang bermula pertengahan tahun lalu.

Ringgit pula kini kekal pada RM3.80 berbanding dolar Amerika, selepas kerajaan memperkenalkan kadar tukaran tetap selaras dengan pelaksanaan kawalan tukaran asing pada 1 September lalu. Sebelum ini atau lebih tepat lagi pada Januari lalu, ringgit pernah mencecah paras terendah RM4.76.

Berdasarkan senario berkenaan, tumpuan Belanjawan 1999 mungkin berbeza sedikit berbanding tahun lalu yang berpaksi kepada strategi menangani masalah kegawatan, termasuk memperkenalkan langkah mengurangkan import dan pada masa sama, meningkatkan eksport ke arah menstabil serta mengukuhkan semula ekonomi.

Sebaliknya, berikutan kesan yang semakin dirasai daripada kegawatan terutama dari segi krisis keyakinan, belanjawan tahun depan dijangka menumpukan kepada usaha menangani masalah itu, termasuk usaha mengembalikan keyakinan rakyat untuk berbelanja melalui pengurangan cukai pendapatan korporat dan individu bagi menggalakkan lebih banyak tunai memasuki pasaran, di samping melaksanakan beberapa langkah kewangan yang bermatlamat menjana lebih banyak kecairan di dalam institusi perbankan tempatan.

Disebabkan langkah yang terlalu berhati-hati dalam soal perbelanjaan di

kalangan individu atau syarikat (termasuk bagi perbelanjaan produktif) berikutan kegawatan, ia menjejaskan kelancaran pusingan kegiatan ekonomi sehingga Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mengalami penguncupan pada dua suku pertama 1998, selepas negara menikmati pertumbuhan positif lebih sedekad lalu.

Justeru itu, pelbagai langkah sudah, sedang dan akan dilaksanakan kerajaan bagi mengembalikan keyakinan serta merangsangkan semula kegiatan ekonomi ke arah mempercepatkan pemulihan, seperti penubuhan Pengurusan Danaharta Nasional Bhd (Danaharta), syarikat pengurusan aset untuk mengambil alih pinjaman tidak berbayar (NPL) sistem perbankan dan Danamodal Nasional Bhd (Danamodal) yang bermatlamat mempermodalkan semula institusi perbankan.

Selain langkah yang dianggap paling drastik mengenai kawalan tukaran asing, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (Bank Negara) turut melaksanakan dasar kewangan lain seperti penurunan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) dan kadar asas pinjaman (BLR) serta penakrifan semula NPL daripada tiga bulan kepada enam bulan.

Pengurangan SRR institusi kewangan kepada empat peratus daripada enam peratus mulai 16 September lalu misalnya, akan membantu membekalkan kira-kira RM8 bilion ke dalam sistem perbankan dan SRR diunjurkan diturunkan lagi pada masa depan. Bank Negara juga mengurangkan kadar campur tangan tiga bulan yang memberi kesan ketara ke atas BLR, yang kini sekitar 8.50 peratus di kalangan bank perdagangan berbanding lebih 12.5 peratus ketika kemuncak, Jun lalu.

Dengan pelbagai langkah positif yang dilaksanakan serta diperkenalkan dalam Belanjawan 1999, ramai penganalisis melahirkan keyakinan BSKL mampu kembali semula kepada landasan menaik dalam masa terdekat, selepas sekian lama memaparkan suasana hambar dan kurang ceria.

Menurut penganalisis di Amanah Saham Selangor (Asas), Rusli Abu Yamin, dengan unjuran belanjawan kali ini akan menumpukan kepada usaha ke arah merangsangkan kegiatan ekonomi dan menggalakkan perbelanjaan serta permintaan pengguna, beberapa teori fizikal dan kewangan dijangka diperkenalkan.

Ini termasuk memberi pengurangan dari segi cukai terutama cukai pendapatan korporat dan pendapatan individu, yang pastinya memberi kelegaan kewangan kepada pihak terbabit, sekali gus menggalakkan mereka berbelanja serta mengerakkan semula pelbagai kegiatan ekonomi yang sebelum ini terhenti atau bergerak perlahan.

Pemulihan semula kegiatan ekonomi seterusnya akan memberi sumbangan bermakna kepada KDNK yang diramalkan kembali positif tahun depan dan pada masa yang sama membantu mengembalikan keyakinan orang ramai serta pelabur terhadap ekonomi dan pasaran saham tempatan.

Berdasarkan belanjawan rakyat yang akan dibentangkan kali ini, Pengarah Eksekutif Inter-Pacific Securities Sdn Bhd, Abdul Majid Mohd Harun, percaya ia mampu memberi kesan positif kepada pasaran saham, terutama jika belanjawan itu turut membabitkan pengurangan cukai.

Dengan lebih kecairan di pasaran, ditambah pula dengan penurunan kadar faedah termasuk simpanan tetap (FD) di institusi perbankan, tidak mustahil orang ramai akan menggunakan tunai yang ada untuk melabur di pasaran saham, katanya.

Penganalisis di KL Securities Sdn Bhd, Nizam Zakaria, berkata selain pengurangan cukai, belanjawan kali ini juga dijangka memperkenalkan cukai keuntungan modal (CGT) terhadap urus niaga di BSKL, terutama dagangan kontra, yang boleh membantu ke arah mewujudkan pasaran saham stabil di samping menyumbang pendapatan kepada kerajaan.

Antara lain CGT dapat `mendidik dan mendorong' pemain pasaran untuk menjadi pelabur jangka panjang, sekali gus membantu melahirkan lebih ramai

pelabur tulen, bagi mengurangkan kegiatan spekulasi dan ketidaktentuan di pasaran saham. Melalui peraturan cukai itu, pelabur tidak boleh sewenang-wenangnya menjual saham (seperti diamalkan pelabur kontra) kerana mereka dikehendaki memegangnya bagi tempoh tertentu untuk mendapat faedah dari segi percukaian.

Lazimnya lebih lama sesuatu saham itu dipegang, semakin kurang atau juga mungkin tiada langsung cukai perlu dibayar ke atas keuntungan modal yang mereka perolehi daripada penjualan saham. CGT sudah dipraktikkan dalam sektor hartanah iaitu menerusi cukai keuntungan modal ke atas harta yang dijual. Meskipun kurang disenangi pelabur terutama pelabur asing, CGT dijangka mampu mewujudkan pasaran saham yang lebih stabil serta dikuasai pelabur tulen.

Dengan jangkaan positif daripada belanjawan yang bakal dibentangkan Jumaat ini berserta prestasi yang agak memberangsangkan semalam, BSKL diunjur mampu mencatatkan beberapa lagi peningkatan dalam tempoh terdekat. Jika tahap 420 mata dapat dilepasi, penganalisis meramalkan Indeks Komposit BSKL mampu melonjak kepada 480 mata dan seterusnya 500 mata menjelang akhir tahun ini.

(END)